



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah

**MODUL RUMUSAN
BAHASA MELAYU
KSSM
BERDASARKAN TEMA
BUKU TEKS TINGKATAN 5**

GURU BAHASA MELAYU NEGERI KEDAH

PRAKATA

Modul Rumusan Bahasa Melayu KSSM ini dihasilkan sebagai usaha untuk membantu murid, khususnya pelajar tingkatan 5 yang akan menduduki Kertas 2 (1103/2), Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Modul ini dihasilkan berdasarkan 16 tema yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 5. Oleh itu, terdapat 16 soalan rumusan yang mencakupi semua tema tersebut. Bahan yang terdapat dalam modul ini seberapa yang boleh diambil dan diubah suai daripada buku teks Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 5. Namun begitu, bahan-bahan juga diambil daripada sumber lain seperti daripada Internet sekiranya perlu dan relevan dengan tema-tema tersebut. Skema jawapan juga disediakan bagi setiap soalan rumusan.

Modul Rumusan Bahasa Melayu KSSM ini dihasilkan daripada gabungan idea pegawai Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran, pegawai SISC+ dan barisan guru dalam pasukan Kumpulan Sokongan Akademik Kedah, Bahasa Melayu Menengah. Sepanjang proses penghasilan modul ini, beberapa siri mesyuarat dan bengkel telah diadakan agar modul yang dihasilkan betul-betul berkualiti dan memenuhi kehendak format baharu pentaksiran Bahasa Melayu, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2021.

Sesungguhnya, modul ini merupakan satu usaha murni untuk membantu guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran rumusan. Diharapkan modul ini dapat menjadi bahan tambahan dan panduan, khususnya kepada murid untuk menguasai soalan rumusan.

Kami yakin bahawa modul yang kami bina ini akan dapat meningkatkan kefahaman guru dan murid tentang format baharu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan seterusnya melonjakkan prestasi yang terbaik dengan pencapaian yang cemerlang dalam SPM 2021. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada JPN Kedah terutamanya Tn. Hj. Rozaini bin Hj. Ahmad AMK., BCK, En. Rosdi bin Mansor dan Pn. Hasliana binti Mohd Hassan atas komitmen dan sokongan yang diberikan. Semoga Allah SWT meredai dan memberkati segala usaha kudsi kita ini. Amin.

KUMPULAN SOKONGAN AKADEMIK KEDAH Bahasa Melayu Menengah



ROSDI BIN MANSOR
PENOLONG PENGARAH UNIT BAHASA,
SEKTOR PEMBELAJARAN, JPN KEDAH



HASLIANA BINTI MOHD HASSAN
PENOLONG PENGARAH UNIT BAHASA,
SEKTOR PEMBELAJARAN, JPN KEDAH



GHAZALI BIN SHAARI
PEGAWAI SISC+ BAHASA
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SIK



AL SHAA RANI BIN AB WAHAB
PEGAWAI SISC+ BAHASA
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KULIM BANDAR BAHARU



SITI FATIMAH BINTI HAMAT
SMK PEDU



RAFIKHAH BINTI OTHMAN
SMK SERI PANTAI



ZAMZILA BINTI DAHLAN
SMJK SIN MIN



NURADILA BINTI MD HASHIM
SMK TAMAN JELUTONG



ARIZA BINTI AKI
SMK TANJONG PUTERI



ZAMRI BIN SALLEH
SMK BATU 5, JALAN JENIANG



NORRIDA BINTI ABD RASHID
SMK JERLUN



SHUKRIAH BINTI SHAARI
MAKTAB MAHMUD SIK



DR. ABDUL GHANI BIN JALIL
SMK BUKIT PAYONG



ZARINA BINTI MOHAMMED ALI
SMK TUNKU ABD AZIZ



AZLINA BINTI ABU BAKAR
SMA HIDAYAH ISLAMIAH



SITI SHAFINA BINTI ABDUL RAHMAN
SMK DATO' LELA PAHLAWAN



ARIFFIN BIN SALLEH
SBP INTEGRASI KUBANG PASU



NASRIAH BINTI SAAD
SMK ST THERESA

**SOALAN BERFOKUS RUMUSAN
BERDASARKAN BUKU TEKS TINGKATAN 5**

TEMA	TAJUK	PENGGUBAL	MUKA SURAT
1	Anda Bersih, Anda Sihat	Dr Abdul Ghani bin Jalil (SMK Bukit Payong, Alor Setar)	7
2	Sukan dan Rekreasi	Encik Zamri bin Salleh (SMK Batu 5, Jalan Jeniang, Gurun)	9
3	Kerjaya Meniti Jaya	Puan Shukriah binti Shaari (Maktab Mahmud Sik, Sik)	11
4	Bersatu Kita Teguh	Puan Zamzila binti Dahlan (SMJK Sin Min, Sungai Petani)	13
5	Pendidikan untuk Semua	Puan Rafikhah binti Othman (SMK Seri Pantai, Kota Setar)	15
6	Sains, Teknologi dan Inovasi	Puan Ariza binti Aki (SMK Tanjong Puteri, Baling)	17
7	Pertanian, Penternakan dan Perikanan	Puan Norrida binti Abdul Rashid (SMK Jerlun, Kubang Pasu)	19
8	Melancong Mencari Makna	Puan Nasriah binti Saad (SMK St Theresa, Sungai Petani)	21
9	Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan	Puan Siti Shafina binti Abdul Rahman (SMK Dato' Lela Pahlawan)	23
10	Alam Sekitar dan Teknologi Hijau	Puan Siti Fatimah binti Hamat (SMK Pedu, Padang Terap)	25
11	Dunia Selamat Milik Kita	Puan Hasliana binti Mohd Hassan (Sektor Pembelajaran, JPN Kedah)	27
12	Kebudayaan, Kesenian dan Estetika	Encik Ariffin bin Salleh (SBPI Kubang Pasu)	29
13	Jati Diri, Warganegara Patriotik	Puan Zarina binti Mohammed Ali (SMK Tunku Abd Aziz)	31
14	Citra Bahasa dan Sastera Kita	Puan Azlina binti Abu Bakar (SMA Hidayah Islamiah, Kubang Pasu)	33
15	Industri Cemerlang, Negara Gemilang	Encik Ariffin bin Salleh (SBPI Kubang Pasu, Kubang Pasu)	35
16	Integriti	Dr Abdul Ghani bin Jalil (SMK Bukit Payong, Alor Setar)	37

**SESEORANG YANG LUAR BIASA,
SEDERHANA DALAM UCAPANNYA,
TETAPI HEBAT DALAM TINDAKANNYA!!!**

KERTAS 2 1103/2 SPM - BAHAGIAN C SOALAN 9 : RUMUSAN

Jumlah markah : 30 markah

Cadangan masa : 45 minit

PANDUAN UMUM RUMUSAN

1. Panjang petikan tidak melebihi 300 patah perkataan.
2. Petikan berdasarkan bahan sumber yang mempunyai tidak kurang daripada dua fokus.
3. Bahan rumusan terdiri daripada sekurang-kurangnya dua bahan daripada sumber yang berbeza (contoh: petikan prosa, puisi dan grafik) tetapi mempunyai tema yang sama.
4. Tugasan tidak dinyatakan dalam arahan soalan.
5. Calon perlu mengenal pasti **SEMUA** fokus yang terdapat dalam semua bahan.
6. Markah **keseluruhan isi** ialah **20 markah**.
 - Pendahuluan : 2 markah
 - Isi : 16 markah
 - Kesimpulan : 2 markah
7. Calon perlu mengemukakan **8 isi lengkap** (isi wajib diambil daripada setiap bahan dan menyentuh setiap fokus).
8. Markah **bahasa** dinilai secara holistik **10 markah**.
 - Cemerlang : 08 hingga 10 markah
 - Baik : 05 hingga 07 markah
 - Sederhana : 03 hingga 04 markah
 - Lemah : 01 hingga 02 markah
9. Rumusan **tidak melebihi 120** patah perkataan.
10. Kesimpulan perlu berdasarkan tema bahan.
11. Jawapan hendaklah ditulis dalam bentuk esei.

PANDUAN MENJAWAB SOALAN RUMUSAN

1. Cara menulis pendahuluan:

- ✓ Satu ayat sahaja , 2 markah
- ✓ Mulakan ayat pendahuluan dengan: Rumusan membincangkan...
- ✓ **Pendahuluan 2 fokus:**
 - Rumusan membincangkan Fokus 1 dan Fokus 2. (2 markah)
 - Rumusan membincangkan Fokus 1. (1 markah)
- ✓ **Pendahuluan 3 fokus:**
 - Rumusan membincangkan Fokus 1 , Fokus 2 dan Fokus 3. (2 markah)
 - Rumusan membincangkan Fokus 1 dan Fokus 2. (1 markah)
 - Rumusan membincangkan Fokus 2 dan Fokus 3. (1 markah)

2. Cara menulis isi:

- ✓ Calon boleh menulis satu isi dalam satu ayat.
- ✓ Calon boleh menulis satu perenggan isi atau beberapa perenggan.

3. Cara menulis kesimpulan:

- ✓ Satu ayat sahaja, 2 markah.
- ✓ Mengandungi cadangan berkaitan dengan tema/isu dan harapan.
- ✓ Idea calon sendiri dan tidak boleh diambil daripada petikan.



**SOALAN RUMUSAN
BERDASARKAN TEMA
BUKU TEKS TINGKATAN 5**

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

Bahan 1 – Petikan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

COVID-19 ialah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus SARS-CoV-2. Kebanyakan orang dengan COVID-19 ada penyakit respiratori yang ringan hingga sederhana, tetapi yang lain mengalami penyakit yang teruk, seperti pneumonia COVID-19. Diagnosis formal memerlukan analisis makmal untuk sampel hidung dan tekak, atau ujian pengimejan seperti imbasan CT. Walau bagaimanapun, maklumat diagnostik pertama dan yang paling mudah didapati adalah dari simptom dan tanda-tanda dari pemeriksaan klinikal. Kelesuan dan hilang deria bau serta rasa adalah antara simptom terkini jangkitan COVID-19 yang dikesan dalam kalangan pesakit. Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ramai tidak sedar simptom ini kerana menganggap perkara ini normal berlaku apabila penat seharian bekerja.

Ada dalam kalangan pekerja yang ke pejabat kelihatan normal ketika diambil suhunya, tetapi mereka mempunyai masalah kelesuan, hilang deria bau serta rasa. Keadaan tersebut adalah antara gejala yang kurang kita ketahui, tetapi kerap terjadi. Oleh sebab itu, kita dinasihatkan memakai pelitup separuh muka dan tidak hadir ke pejabat sekiranya kita ada gejala yang nyata seperti demam, batuk dan selesema. Simptom tiga serangkai ini biasanya mudah menyerang golongan individu dan kanak-kanak yang mempunyai imunisasi badan yang rendah. Bagi mengelakkan pandemik ini terus menjangkiti golongan yang berisiko ini, orang ramai dinasihatkan menjaga jarak satu meter supaya tidak bersentuhan sekiranya berada di tempat awam. Selain itu, kita juga digalakkan untuk menjaga kesihatan dengan baik seperti makan makanan yang berkhasiat dan melakukan senaman ringkas di dalam rumah.

Dr Noor Hisham berkata, masalah pencernaan terutamanya cirit-birit menjadi petunjuk pertama seseorang diserang wabak Covid-19. Individu yang gagal mengawal sistem pencernaan yang diserang wabak ini akan kerap ke tandas secara tidak terkawal. Selain itu, beliau memberitahu simptom sesak nafas adalah hasil jangkitan saluran pernafasan yang rendah atau radang paru-paru. Sesak nafas tidak boleh berlaku jika jangkitan hanya berada di saluran pernafasan atas seperti hidung dan tekak. Simptom ini perlu diberi perhatian untuk orang yang berisiko tinggi terhadap jangkitan Covid-19.

*Dipetik dan diubah suai daripada 'Badan Lesu, Hilang Deria Bau, Rasa Juga Gejala Dijangkiti COVID-19',
Berita Harian 27 Mei 2020*

Bahan 2 – Grafik

COVID-19
#KitaMestiMenang

AMARAN
TANDA-TANDA ORANG DEWASA YANG DIJANGKITI COVID-19

Demam berpanjangan

Kelesuan bertambah teruk

Kesukaran bernafas

Sakit dada

Bibir atau jari kebiruan

Tidak boleh mengambil makanan atau minuman melalui mulut

Batuk, muntah atau cirit yang semakin teruk serta kencing kurang

DAPATKAN RAWATAN SEGERA SEKIRANYA MENGALAMI GEJALA BERIKUT. SILA HUBUNGI KLINIK KESIHATAN BERDEKATAN ATAU

999

Putuskan Rantaian COVID-19

Kementerian Kesihatan Malaysia

MyHEALTH

f

Twitter

YouTube

Instagram

Bersama Hentikan Wabak COVID-19
myhealthkkm

QR CODE
SCAN ME

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

Bahan 1 - Petikan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Astro Awani telah membuat undian tentang penglibatan wanita dalam bidang sukan melalui laman sosial rasmi mereka. Dalam undian itu, keputusan menerusi *Twitter* menunjukkan 83 peratus bersetuju bahawa atlet wanita mampu menjadi penyumbang pingat emas pertama negara dalam Sukan Olimpik. Laman *Facebook* turut menunjukkan keputusan undian yang positif, iaitu dengan jumlah undian sebanyak 69 peratus.

Walau bagaimanapun, rata-rata netizen mempunyai pandangan dan pendirian sendiri berhubung persoalan sama ada wajar atau tidak wanita diberi peluang yang sama rata untuk menjadi atlet profesional. Sebanyak 86 peratus netizen di *Twitter* bersetuju bahawa wanita patut diberi peluang sama rata, manakala keputusan di *Facebook* menunjukkan 76 peratus netizen menyokong perkara itu. Netizen bersetuju agar peluang itu diberikan kepada golongan wanita dalam usaha melahirkan lebih ramai atlet seperti Datuk Nicol David, Farah Ann dan Pandalela Rinong. Menurut mereka, peluang sedemikian akan memberikan harapan kepada lebih ramai atlet wanita untuk mengukir nama dan berjaya dalam sukan.

Namun demikian, kejayaan atlet wanita di negara ini dilihat dibayangi oleh beberapa isu seperti tuduhan atlet wanita berhadapan diskriminasi pelbagai pihak selain kekurangan jurulatih wanita yang membantutkan perkembangan mereka dalam sukan masing-masing. Begitu pun, ramai netizen berpendirian bahawa wanita perlu mempunyai bakat, minat dan kebolehan untuk bersukan jika mahu terlibat dalam bidang ini. Sokongan daripada pelbagai pihak seperti keluarga dan persatuan sukan juga memainkan peranan penting agar atlet wanita lebih kompetitif untuk berjuang di pentas antarabangsa. Untuk berjaya, golongan wanita juga perlu sentiasa positif dan yakin akan kemampuan diri sendiri.

Dipetik dan diubah suai daripada Buku Teks Tingkatan 5,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 2 - Grafik

Apa kata mereka?

tentang penglibatan wanita dalam sukan

1,844 atlet wanita berbanding 2,483 atlet lelaki yang menyertai mana-mana bidang sukan.

(MSN, 2018)



bidang sukan adalah lebih sukar jika anda seorang wanita. Ia memerlukan wanita untuk berusaha dua kali ganda bagi membuktikan anda layak menceburi industri ini.



Farah Ann Abdul Hadi
Gimnas Negara

Nur Suryani taibi
Penembak Negara



52 peratus responden percaya bahawa bersukan membuatkan seseorang wanita kelihatan kurang feminin. Dapatan ini menunjukkan penampilan diri adalah penghalang bagi wanita untuk kekal bersukan.

(Kajian Pantene Malaysia, 2019)

antara keputusan paling sukar yang dilakukan ketika menjadi ibu di samping bertanding dalam acara sukan berprestij, tapi saya berpegang teguh kepada kita lebih kuat daripada yang disangkakan.

“Kami berpegang pada Dasar Wanita Negara 2009. Dasar ini khusus melindungi wanita untuk terus cemerlang dalam bidang berkenaan”

*Datuk Ahmad Shafawi,
Pengarah MSN*

63 peratus wanita bersetuju pakaian atlet wanita ketika ini kurang sesuai untuk wanita bergiat dalam sukan
(Kajian Muslimwoman. org)



Dipetik dan diubah suai daripada
“Inspirasi wanita bersukan”
Metro Online, 26 April 2019

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Bahan 1 - Petikan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Setiap remaja menginginkan pekerjaan yang dapat menjamin masa depan serta dapat menyara kehidupan mereka dan keluarga. Walau bagaimanapun, terdapat juga segelintir individu yang bertukar cita-citanya kerana pengaruh daripada faktor persekitaran dan minat yang tidak jelas. Sehubungan dengan itu, persediaan rapi harus dibuat dalam menentukan kerjaya yang ingin diceburi supaya remaja dapat memahami sebab sebenar sesuatu pekerjaan itu ingin diperolehnya. Remaja haruslah mendidik diri agar dapat bekerja dalam pasukan dan mengikut masa yang ditetapkan. Manakala, individu yang minat bekerja sendiri pula harus membiasakan diri untuk bersifat berani menghadapi risiko dan berdaya saing.

Di samping itu, remaja meluangkan masa menghadiri pameran kerjaya yang diadakan oleh pelbagai pihak. Mereka haruslah berusaha mendapatkan maklumat dan bertukar-tukar pandangan dengan individu yang sudah berada dalam dunia kerjaya tersebut supaya mereka dapat menentukan matlamat dalam kerjayanya kelak. Seajar dengan persediaan remaja dalam bidang kerjaya, pihak sekolah menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kerjaya yang dikendalikan oleh guru kaunseling. Maklumat kerjaya ini juga turut dikongsikan oleh organisasi lain seperti Institut Pengajian Tinggi dalam usaha memberi pendedahan maklumat kerjaya kepada remaja. Guru kaunseling seharusnya membantu mendapatkan sebanyak mungkin maklumat berdasarkan minat dan kebolehan remaja.

Seterusnya, pihak sekolah haruslah mengatur program Mentor Kerjaya yang akan memadankan pelajar berkenaan dengan seorang mentor profesional dalam bidang tertentu. Mentor profesional ini akan menunjukkan pelajar tentang realiti dunia kerjaya dan dapat memberikan nasihat kepada pelajar itu supaya meneladaninya untuk mencapai cita-cita yang diinginkan. Pihak sekolah bertanggungjawab menerangkan kecenderungan pelajar dalam kerjaya berdasarkan analisis keputusan ujian psikometrik mereka. Melalui program-program yang diadakan, pihak sekolah dapat memberi ruang dan peluang kepada remaja untuk membuat perancangan kerjaya berdasarkan kecenderungan mereka. Kesimpulannya, alam pekerjaan dilihat sebagai destinasi terakhir kepada kebanyakan pelajar. Oleh itu, keputusan terletak di tangan remaja itu sendiri untuk menetapkan matlamat dalam kerjaya mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Remaja dan Kerjaya'
oleh Sharifah Nursyahidah Syed Annuar
Dewan Siswa, Bil 9, 2017

Bahan 2 - Grafik

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Pejabat Pendidikan Daerah Kulai

MGKK DAERAH KULAI

1 HARI 1 INFO
Aura Positif

TIPS PEMILIHAN KERJAYA

Kebanyakan murid mengalami isu ini. Sebelum anda melangkah keluar dari alam persekolahan, pastikan anda tahu matlamat yang akan anda capai dalam pekerjaan

KELIRU

- Tiada Maklumat
- Tiada Sokongan

CAREER

R REALISTIK

I INVESTIGATIF

A ARTISTIK

S SOSIAL

E ENTERPRISING

K KONVENSIONAL

TIPOLOGI MINAT

- 01 Kenalpasti minat dan potensi diri
- 02 Senaraikan beberapa kerjaya yang dominan dengan minat dan personaliti anda
- 03 Menjawab soal selidik minat kerjaya
- 04 Kenali tokoh dan idola dalam bidang kerjaya yang diminati
- 05 Membuat kajian dan analisis keperluan kerjaya dalam dan luar negara
- 06 Pastikan kelayakan akademik seiring dengan keperluan kerjaya

BUATLAH PILIHAN YANG BIJAK UNTUK MASA DEPAN ANDA!

#STAYATHOME
#KITAJAGAKITA
#JOMSEBARKANAURAPOSITIF
#Stay At Home

GG YUNN #jomsebarkanaurapositif

DAERAH KULAI

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Bahan 1 - Petikan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Dalam tempoh kurang setahun, Kementerian Perpaduan Negara berjaya menggubal Dasar Perpaduan Negara yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, pada akhir bulan Februari 2021. Sememangnya tempoh itu sesuatu yang mencabar kerana kementerian perlu menyediakan dasar dalam jangka masa yang singkat, tetapi menyeluruh dan dapat diterima oleh semua pihak. Pada akhirnya, usaha itu menjadi kenyataan.

Perpaduan sememangnya istilah yang selalu menjadi perhatian rakyat di semua peringkat sejak awal kemerdekaan negara. Hal ini menjadi lebih penting susulan daripada tragedi hitam 13 Mei 1969 yang memberikan pengajaran besar untuk kita semua. Oleh itu, perjalanan sepanjang lima dekad lalu mewujudkan desakan untuk memperdalam kepentingan bagi melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan yang menitikberatkan integrasi dalam kalangan rakyat pelbagai kaum dan etnik.

Sebagaimana yang disebutkan oleh Perdana Menteri dalam ucapan pelancaran Dasar Perpaduan Negara, dokumen tersebut adalah berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Dalam hal ini, rakyat Malaysia sejak sekian lama sentiasa berpegang kepada Rukun Negara tidak kiralah sama ada kaum Melayu, Cina, India, Kadazan, Dusun, Iban, orang asal atau mana-mana etnik sekalipun. Dasar Perpaduan Negara dapat menjadi asas untuk membentuk identiti nasional. Kerajaan amat menyedari akan hakikat bahawa perpaduan ialah tunjang kemakmuran dan kestabilan negara kerana masyarakat di negara ini bersifat majmuk dan mempunyai pelbagai latar belakang pegangan agama, pengenalan bangsa dan budaya.

Rakyat pelbagai agama dan kaum di seluruh negara telah memperlihatkan semangat perpaduan dalam pelbagai bentuk. Secara langsung, hal ini menunjukkan bahawa perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia sangat penting untuk keutuhan sesebuah negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Dasar Perpaduan Negara"
Dewan Masyarakat, April 2021

Bahan 2 - Grafik



Dipetik daripada petikan 'Resipi Perpaduan dan Integrasi Nasional',

Buku Teks Tingkatan 5,

Muka surat 46-47.

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Bahan 1 - Petikan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Awal bulan April ramai yang teruja mengenakan pakaian biru. Masing-masing mahu menyatakan sokongan terhadap kempen 'Light It Up Blue' sempena Hari Autisme Sedunia. Hari Kesedaran Autisme Sedunia disambut pada 2 April setiap tahun bagi menyatakan sokongan terhadap anak-anak autisme. Autisme atau *Autism Spectrum Disorder (ASD)* adalah gangguan perkembangan saraf yang mempengaruhi kemampuan seseorang kanak-kanak dalam berkomunikasi, interaksi sosial dan tingkah laku.

Hari Kesedaran Autisme Sedunia juga disambut oleh ibu kepada empat anak, Salwa Mohd Saleh. Unikinya, wanita ini mempunyai tiga anak istimewa yang disahkan mempunyai masalah autisme. Salwa teruja dapat berkongsi pelbagai maklumat tentang autisme. Menurut beliau, ciri anak autisme ialah anak autisme berasa tidak selesa dengan beberapa nada tinggi rendah bunyi dan mereka akan bertindak menutup telinga. Ada waktunya anak mungkin menukar siaran azan dari TV3 ke TV1 atau membuat bunyi lain untuk menghalang bunyi yang menggagangnya. Selain itu, anak autisme mengalami masalah lambat bertutur. Ada yang mengambil masa sehingga enam tahun untuk berbicara seperti orang lain. Mereka juga mempunyai masalah dengan perkataan yang abstrak seperti gembira, sedih, menyampah atau tidak setuju kerana faktor perbezaan cara memproses maklumat berbanding orang biasa.

Beberapa langkah boleh diambil bagi membantu anak-anak autisme ini di negara kita. Sebagai insan sempurna, Salwa menyarankan agar seluruh masyarakat menyokong ibu bapa yang mempunyai anak autisme. Ibu bapa yang mempunyai anak autisme pula perlu peka dan mendapatkan nasihat pakar sebaik sahaja mengesan tindakan luar biasa anak. Apabila telah terbukti anak dalam kategori autisme, ibu bapa perlulah berlapang dada dan mengakui kebenarannya. Hal ini sangat penting agar ibu bapa bersedia menerima takdir dan tidak paranoid. Seterusnya, apabila ibu bapa berasakan anak mereka mempunyai masalah, bawalah ke klinik kesihatan berhampiran untuk berjumpa pegawai perubatan. Menurut beliau lagi, tindakan dan rawatan awal adalah langkah yang paling tepat untuk ibu bapa membuat intervensi merawat anak autisme.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Fahami Anak Autisme,"
oleh Harian Metro.com. April 2019.

Bahan 2 - Grafik



(Sumber Internet)

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Bahan 1 - Petikan

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Inti pati kepada Dasar Sains, Teknologi, Inovasi (DSTIN) 2021-2030 yang baru dilancarkan bertujuan untuk mengupayakan sumbangan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) agar dapat memberikan impak terhadap kesejahteraan sosial dan kemakmuran bersama. Dengan enam teras, 20 strategi dan 46 inisiatif, dasar ini berupaya memacu pembangunan negara berteraskan teknologi tinggi. Maka, fokus kepada pembangunan dan pengaplikasian teknologi dalam pelbagai bidang akan diutamakan bagi melonjak kemajuan negara.

DSTIN bukan sekadar memfokuskan teras peningkatan pembangunan teknologi, tetapi juga membangunkan kepakaran tempatan dengan harapan negara kita dapat mengurangkan pergantungan kepada teknologi luar. Inisiatif ini diperkenalkan tepat pada masanya bagi melaksanakan pendekatan lebih menyeluruh dan saling melengkapi demi penghasilan impak STI lebih tinggi.

Selain itu, kecekapan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dapat ditingkatkan melalui penggunaan teknologi berasaskan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) seperti digital dan automasi. Hasilnya, PKS dapat berkembang dengan penjimatan kos, peningkatan produktiviti dan membantu daya saing pengusaha.

Bagi mencapai hasrat ini, beberapa intervensi STI dicadangkan seperti meningkatkan nilai komersial hasil penyelidikan tempatan dengan penambahan peruntukan geran penyelidikan berbentuk pembangunan eksperimental. Bukan itu sahaja, penggabungan STI dengan bidang ekonomi dilaksanakan melalui penjajaran Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE).

Tanggungjawab menggunakan STI secara bersepadu dijadikan antara teras DSTIN menerusi keutamaan terhadap tadbir urus STI yang berkesan. Untuk menjayakan hasrat ini, memerlukan kerjasama antara pelbagai kementerian, pihak industri, ahli akademik dan masyarakat. Tambahan pula sasaran penggubalan peruntukan perundangan melalui Akta STI membolehkan tadbir urus seperti rangka kerja, infrastruktur serta pengurusan dana dapat dikawal selia dengan bersistematik.

Visi DSTIN ke arah memajukan negara berteknologi tinggi juga memerlukan pembudayaan masyarakat yang mampu mengaplikasikan sains dan teknologi dalam kehidupan seharian.

Modul Rumusan Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 5: JPN KEDAH

Sesungguhnya, pembudayaan STI hingga ke peringkat akar umbi masyarakat memerlukan tindakan bersepadu terutama aspek penyelarasan, pemantauan dan pengiktirafan secara berpusat. Malah, penggunaan teknologi perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan keberkesanan komunikasi dan memudahkan capaian maklumat dalam masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada
Manfaat Sains, Teknologi, Inovasi Makmurkan Negara,
Berita Harian 2020

Bahan 2 - Grafik

**KARNIVAL SAINS DAN TEKNOLOGI
INOVASI ROBOT**
(Anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia dan MOSTI)

Program menarik:

- **Pameran Robotik**
- **Pertandingan Kuiz**
- **Pertunjukan Kereta Solar**
- **Pertunjukan Roket Air**
- **Cabutan Bertuah**

Tarikh : 24 Julai 2019
Masa : 10.00 Pagi - 4.00 Petang
Tempat : Dataran Melaka

(Sumber Internet)

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Bahan 1 - Petikan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Pemeliharaan ikan hiasan menjadi satu industri yang mampu memberikan pendapatan lumayan kepada pengusaha-pengusaha. Industri ini semakin berkembang seiring dengan perkembangan ekonomi negara. Sehingga kini, Malaysia telah menjadi antara negara pengeksport ikan hiasan utama ke banyak negara di dunia.


Menternak ikan hiasan boleh mendatangkan keuntungan di samping sebagai satu hobi yang menarik. Kaedah penjagaan yang sistematik dan berbeza mengikut jenis ikan akan melahirkan rasa keprihatinan penternak terhadap ikan hiasan. Kegiatan ini merupakan satu hobi yang mampu membina pengetahuan mengenai kepelbagaian ikan hiasan dan juga tabiat hidupnya. Ketekunan dalam memelihara ikan hiasan mampu mewujudkan ketenangan dan kesabaran kepada pemelihara ikan hiasan. Bukan itu sahaja, manfaat warna hijau pada akuarium sudah dibuktikan oleh para pakar mata yang berpendapat bahawa memandang akuarium berisi ikan hiasan dan tanaman hijau di dalamnya selama satu jam setiap hari dapat meningkatkan kesihatan mata seseorang.

Memelihara ikan hiasan dalam akuarium di rumah akan menjadi solusi sempurna bagi menurunkan tahap stres. Memerhatikan ikan berenang di akuarium dengan beraneka warna juga menjadikan kondisi tubuh semakin relaks dan sangat berguna untuk menurunkan tahap kerisauan dan mampu membuatkan fikiran lebih tenang.

Industri ikan hiasan di Malaysia mempunyai potensi yang cerah pada masa akan datang dengan memberikan tumpuan terhadap penyelidikan dan penggunaan teknologi terkini. Masalah halangan dalam sistem pengeksportan perlu diatasi pada masa akan datang bagi memudahkan dan mempercepat jangka masa yang diambil kerana ikan hiasan ialah hidupan yang perlu dijaga dengan teliti. Jabatan Perikanan Malaysia dan Kastam Malaysia perlu memudahkan proses pengeksportan ini untuk meningkatkan potensi eksport ikan hiasan ke luar negara. Beberapa insentif kepada pengusaha tumbuhan akuatik akuarium perlu difikirkan kaedahnya. Penyelidikan, pengembangan teknologi, latihan dan sistem kuarantin juga perlu ditingkatkan agar industri ini berkembang pada masa akan datang.

Dipetik dan diubah suai
daripada "Industri Ikan Akuarium di Malaysia"
oleh Anem Agro Technology, *Disember 2013*

Bahan 2 - Grafik



Dipetik daripada buku teks
Bahasa Melayu Tingkatan 5 KSSM,
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Bahan 1 - Petikan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Malaysia merupakan destinasi tarikan pelancongan yang sangat berpotensi di peringkat Asia, antarabangsa dan tempatan. Pelancong asing yang datang ke Malaysia perlu menukar mata wang asing kepada Ringgit Malaysia untuk berbelanja. Tukaran wang ini dapat meningkatkan ekonomi negara dari segi pengaliran mata wang asing ke dalam negara. Industri pelancongan tidak akan lengkap tanpa tempat penginapan, makanan, perkhidmatan pengangkutan, pemandu pelancong dan perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Banyak pengusaha membina hotel bertaraf lima bintang, resort, inap desa dan sebagainya terutamanya di kawasan di tepi pantai dan pulau untuk menarik perhatian pelancong. Para pelancong yang memerlukan perkhidmatan pengangkutan untuk bergerak dari satu lokasi pelancongan ke lokasi yang lain telah memberi masyarakat tempatan peluang untuk menjalankan perniagaan yang berkaitan dengan pelancongan.

Malaysia juga dikenali sebagai negara yang mempunyai beraneka jenis hidangan yang boleh dinikmati. Setiap masakan mempunyai keunikan dan cita rasa yang tersendiri. Keenakan makanan akan meningkatkan permintaan terhadap makanan tempatan yang dapat mewujudkan peluang perniagaan kepada usahawan tempatan. Selain itu, sektor pelancongan juga dapat mengembangkan industri kraf tangan malah menjadi periuk nasi kepada pengusaha kraf tangan tempatan.

Sektor pelancongan juga mempromosikan budaya masyarakat Malaysia kepada pelancong luar negara. Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang kaum seperti Melayu, Cina, India, dan lain-lain. Setiap kaum mempunyai adat dan budaya berbeza-beza yang mampu menarik minat pelancong untuk menyaksikan persembahan kesenian dan permainan tradisional. Kenangan manis yang dialami oleh pelancong mendorong mereka untuk datang semula.

Persaingan dalam sektor pelancongan dengan negara-negara lain merupakan salah satu cabaran yang perlu diharungi oleh Malaysia. Pencemaran alam sekitar juga boleh mempengaruhi masa depan negara. Pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab merosakkan lagi kecantikan negara. Ketidakstabilan politik dan kejatuhan ringgit negara juga merupakan salah satu faktor yang akan mempengaruhi sektor industri pelancongan. Oleh itu, kita perlulah berganding bahu dengan kerajaan untuk memajukan industri pelancongan negara.

Dipetik dan diubah suai
daripada: <http://vanan143467.blogspot.com/>

Bahan 2 - Pantun

PANTUN RAGAM MELANCONG

Ke tepi kali mencari pegaga,
Airnya diminum menambah seri;
Bercuti rehat bersama keluarga,
Tempat menarik dalam negeri.

Berkemban si dara tepian telaga,
Terpandang jejak terasa berahi;
Indah alam laksana syurga,
Tambah syukur nikmat Ilahi.

Jolok pauh tepi penyengat,
Jangan sampai terpijak duri;
Pokok kering sedar tak ingat,
Beli belah tak ingat diri.

(Sumber: Hasil karya Engku Muzahadin)

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

Bahan 1: Petikan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Menurut Kamus Oxford, kad kredit ialah satu kad yang dikeluarkan oleh bank atau mana-mana pihak, yang mana ia memberi kemudahan kepada pemegangnya untuk memperolehi barang-barang keperluannya secara tangguh bayaran (hutang). Secara khusus, kad kredit sebenarnya banyak membantu kita dalam proses pembelian atau pembayaran.

Salah satu daripada kebaikan yang menggalakkan orang ramai menggunakan kad kredit ialah mereka tidak perlu membawa wang tunai yang banyak untuk membeli-belah. Bagi sesetengah pengguna, membawa wang tunai yang banyak ketika membeli-belah merupakan suatu beban. Pengguna kad kredit juga berasa lebih selamat menggunakan kad kredit berbanding dengan penggunaan wang tunai. Hal ini kerana semua kad kredit yang digunakan tidak boleh bertukar milik.

Seterusnya, kebanyakan ahli masyarakat lebih gemar menggunakan kad kredit kerana mereka tidak perlu menukar mata wang ketika berada di luar negara. Sekiranya kita melancong ke luar negara, kita mungkin perlu menukarkan mata wang negara kita kepada mata wang negara yang kita lawati itu. Hal ini tidak demikian bagi pemegang kad kredit kerana pertukaran nilai mata wang asing akan dilakukan secara automatik setiap kali kad kredit tersebut digunakan.

Namun penyalahgunaan kad kredit masih juga berlaku. Justeru, kerajaan perlu memandang serius bagi membendung gejala penggunaan kad kredit secara berterusan dan melebihi pendapatan individu. Sebagai contoh, rasional mempunyai kad kredit melebihi dari tiga buah bank, serta menaikkan tahap minimum pendapatan untuk melayakkan pengguna diberikan kad kredit.

Selain itu, pengetahuan tentang pengurusan kewangan perlu diterapkan di dalam diri masyarakat semenjak dari zaman persekolahan sehingga ke universiti. Jadikan ianya satu subjek yang wajib untuk setiap pelajar bagi melengkapkan pengetahuan asas tentang kewangan. Sebelum kita menerima kad kredit, kita harus betul-betul memahami bagaimana kad plastik 'ajaib' ini berfungsi. Setelah menyelesaikan semua hutang kad kredit barulah anda boleh mempertimbangkan cara penggunaan kad tersebut dengan betul. Pendekatan terpenting dalam penggunaan kad kredit adalah tanggungjawab untuk membayar jumlah baki dalam penyata setiap bulan.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Penyalahgunaan kad kredit di Malaysia dan langkah mengatasi oleh Syed Mahadzir,
Syedmahadzirsyedibrahim.blogspot.com, 26 Feb 2011

Bahan 2 - Grafik



Sumber: Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

Bahan 1: Petikan

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Pertumbuhan penduduk semakin meningkat dari tahun ke tahun. Dari sudut ekonomi, ia mempunyai dua implikasi iaitu membekalkan sumber tenaga kerja dan dalam masa sama memberi bebanan kepada kerajaan dalam menyediakan peluang pekerjaan, kemudahan kesihatan, perumahan dan sebagainya. Pencemaran udara dan hingar turut meningkat, susulan pertambahan jumlah kenderaan bermotor, kegiatan perkilangan dan perindustrian. Kepesatan aktiviti pembinaan turut menyumbang penghasilan sisa pembinaan dan kualiti air sungai pula semakin merosot. Implikasi ini jelas menunjukkan pertumbuhan penduduk perlu diuruskan dengan bijaksana agar alam sekitar terpelihara.

Pembangunan berteraskan 'sustainable development' atau pembangunan lestari dalam apa-apa jua aspek pembangunan perlu ditegaskan. Hal ini selaras dasar dan kehendak pada peringkat antarabangsa yang menyeru negara dunia supaya mengaplikasi pembangunan mampan, baik pada peringkat pusat hingga kerajaan tempatan. Pemakaian akta, peraturan, dasar dan garis panduan berkaitan alam sekitar harus ditingkatkan. Sebarang pencemaran alam sekitar dilakukan sama ada sengaja atau sebaliknya, tidak harus dimaafkan.

Individu yang terbukti bersalah mencemarkan alam sekitar perlu dikenakan penalti dan tidak boleh diikat jamin. Hal ini bertujuan memberi pengajaran kepada 'penjenayah alam sekitar' dan sesiapa sahaja yang berniat merosakkan alam sekitar. Lantas, peranan kerajaan harus serius termasuk dalam soal mendidik masyarakat ke arah menguruskan alam sekitar. Pelbagai pendekatan harus dilaksanakan bagi mendidik masyarakat menghargai dan peka terhadap alam sekitar. Pendidikan pada peringkat sekolah, kempen, ceramah, pengedaran risalah, diskusi, wacana ilmu dan forum berkaitan harus ditingkatkan dan diperluaskan ke segenap lapisan masyarakat.

Jika dirujuk negara maju, tahap kesedaran masyarakat mereka terhadap alam sekitar adalah tinggi. Mereka sangat menghargainya. Namun, di Malaysia tahap kesedaran dalam kalangan masyarakat masih rendah iaitu tidak mencapai 30 peratus. Oleh itu, pihak berkuasa perlu meningkatkan tahap kesedaran rakyat menjaga alam sekitar. Kerjasama dan persefahaman semua pihak dapat membendung kemerosotan kualiti alam sekitar daripada terus meningkat.


Selain memperkasa pendidikan alam sekitar kepada semua lapisan masyarakat, undang-undang berkaitan wajar disemak semula selari perubahan masa. Semoga ketegasan undang-undang

Modul Rumusan Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 5: JPN KEDAH

dapat membendung jenayah alam sekitar daripada terus meningkat kerana alam sekitar yang sihat akan menyumbang kepada kesejahteraan hidup masyarakat. Kerajaan seharusnya memperkasakan alam sekitar dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat sebagai agenda penting negara.

Sumber: dipetik dan diubah suai daripada:
Rencana “Memperkasakan Alam Sekitar -Agenda Utama”
oleh Prof. Madya Dr. Haryati Shafii
Berita Harian, Mac 2020

Bahan 2 – Puisi



Sumber: Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5
Muka surat 129

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

Bahan 1 – Petikan

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Kompetensi pemandu kereta mahupun pengendali kenderaan berat serta kecuaiian dan sikap ketika di jalan raya sering kali dikaitkan sebagai penyebab utama nahas jalan raya yang mengorbankan purata 20 orang setiap hari di negara ini. Selain itu, sikap gemar memandu laju, jumlah peningkatan kenderaan, kawasan jalan yang beralun dan berlubang, keadaan brek dan tayar kenderaan serta trend menggunakan telefon bimbit ketika memandu adalah antara punca berlaku kemalangan jalan raya. Fenomena ini sudah cukup menggambarkan antara sebab utama nahas jalan raya adalah faktor kemanusiaan dan justeru, pelbagai operasi dan kempen keselamatan dilaksanakan oleh pihak berkuasa ketika musim perayaan adalah untuk mendidik pemandu agar lebih berhemah di jalan raya.

Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC), Profesor Datuk Dr. Mohd Idrus Mohd Masirin di Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Jabatan Kejuruteraan Infrastruktur dan Geomatik, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) itu berkata kesan mengantuk, letih, usia adalah antara faktor yang boleh mengurangkan fokus pemanduan dan kurang peka terhadap keadaan sekeliling. Bagi menangani kadar kemalangan jalan raya yang semakin meningkat, Mohd Idrus dalam pada itu mencadangkan agar pihak berkuasa meletakkan papan tanda amaran secukupnya, lampu jalan di kawasan selekoh serta tanda amaran bercahaya pada waktu malam.

Selain operasi berskala, penggunaan "*transverse bar*" untuk tujuan "*traffic-calming*" atau meredakan kelajuan kenderaan juga akan dapat membantu mengurangkan keberangkilian berlakunya kemalangan di lokasi tersebut, katanya. Justeru, beliau mengingatkan pengguna bahawa jalan raya bukan lokasi untuk menunjukkan kepakaran memandu atau menguji kenderaan tetapi sebagai alat mendekatkan kita kepada keluarga, sahabat dan taulan dan bukan untuk kita meratapi kehilangan orang tersayang. - BERNAMA

(Sumber: Berita Harian 2019)

Bahan 2 – Grafik



Sumber : *Internet*

Bahan 3 – Grafik



Sumber : *Internet*

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Bahan 1 - Petikan

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya tidak melebihi **120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Ketinggian tamadun sesuatu bangsa selalunya dapat dilihat pada warisan seni budayanya, termasuk seni persembahan. Warisan seni persembahan ialah lambang jati diri etnik dan bangsa. Sesuatu bangsa yang memiliki maruah dan memahami peranan seni persembahan akan sedaya upaya cuba untuk mempertahankannya. Jika dilihat dari perspektif kesepaduan sosial, seni tersebut turut memainkan peranan untuk menyemai nilai perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Justeru, seni dan budaya perlu dikekalkan demi kesinambungan tamadun bangsa. Melalui seni persembahan, kita mengetahui asal usul, sejarah dan budaya kita.

Seni persembahan juga merupakan benteng budaya. Dengan cara ini, rakyat kita tidak ditenggelami atau taasub oleh budaya Barat. Oleh itu, bagi memupuk dan mengembangkan seni persembahan, rakyat mesti didedahkan kepada kekayaan warisan budaya etnik dan negara. Kita boleh menganjurkan pelbagai kegiatan untuk menghidupkan seni persembahan sebagai warisan bangsa. Seni persembahan juga dapat disampaikan kepada generasi muda melalui latihan seperti latihan makyung, wayang kulit, zapin, dan sebagainya. Sistem pendidikan juga boleh menyelitkan budaya tradisional sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah. Pertandingan dapat dianjurkan bagi mengembangkan dan menghidupkan warisan ini.

Dalam pada itu, kecintaan dan minat yang mendalam terhadap seni warisan ini perlu disemai oleh pakar dan aktivis dalam masyarakat terbabit. Sesuai dengan peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungnya, ibu bapa perlulah membuka potensi kanak-kanak ini untuk menyuburkan minat mereka terhadap seni warisan tersebut. Bukan itu sahaja, pihak industri pelancongan wajar menjadikan seni persembahan tradisional sebagai produk pelancongan budaya. Kita perlu belajar daripada pengalaman Bali dan Thailand dalam mempromosikan budaya warisan mereka kepada para pelancong, sehinggakan pelancong yang ke Bali tanpa menonton persembahan tarian kecak dianggap belum sempurna liburan mereka di pulau dewata itu.

Maka, tidak dapat disangkal lagi bahawa usaha mengangkat warisan negara ke persada antarabangsa perlu dilaksanakan secara bersepadu oleh semua pihak.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Pemeliharaan dan Pemuliharaan Seni Persembahan Warisan Bangsa' oleh Jeniri Amir, Dewan Budaya bil. 5, 2017

Bahan 2 - Grafik



*memanfaatkan penggunaan
teknologi terkini*



*menerapkan kemahiran
keusahawanan penggiat*



*pendidikan dan latihan
yang inklusif*

*dipetik dan diubah suai daripada 'Seni dan Budaya Tradisi
Perlu Anjakan Paradigma' oleh Mohammad Haris Abdul Aziz,
Bernama.com*

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Bahan 1 – Petikan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya tidak melebihi **120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Patriotisme adalah suatu perkara yang amat penting kepada rakyat setiap negara. Patriotisme bukan sekadar semangat, tetapi patriotisme merupakan sesuatu yang agung melibatkan soal keyakinan, kesetiaan, kewarganegaraan, keberanian, kemerdekaan, jati diri dan kedaulatan. Semangat patriotisme merupakan nadi kepada kebebasan, kemerdekaan, kestabilan dan kemajuan sesebuah negara. Kurangnya semangat patriotisme dalam kalangan rakyat sesebuah negara akan membawa kepada kegoyahan dan penderitaan kepada rakyat.

Patriotisme akan melahirkan rakyat yang akan berkhidmat dengan cekap, yakin dan jujur dalam tindakan mereka. Oleh itu, semangat patriotisme yang tinggi perlu ada dalam diri rakyat yang menjadi tonggak utama kepada pembangunan sesebuah negara. Tanpanya negara akan musnah dan hancur bukannya kerana diserang musuh tetapi kemusnahan adalah disebabkan kegagalan rakyat untuk melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap negara.

Semangat patriotisme seharusnya menjadi pendorong kepada setiap rakyat yang cinta akan negaranya untuk bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh bagi membangun dan memajukan negaranya. Perbezaan dari segi ideologi, kaum dan parti politik dalam sesebuah negara berkenaan sepatutnya tidak dijadikan sebagai suatu halangan kepada usaha untuk memakmurkan negara. Tanpanya individu dan masyarakat negara berkenaan akan berpecah-belah kerana masing-masing lebih menumpukan kepada diri atau puak masing-masing dan melupakan tanggungjawab mereka terhadap negara. Semangat patriotisme menjadi lebih penting lagi kepada negara kita pada masa ini kerana semangat patriotisme ini akan menghalang rakyat Malaysia daripada bersikap prejudis terhadap mana-mana kaum, agama mahupun ideologi parti yang berbeza dengan mereka. Dalam erti kata lain mereka akan meletakkan kepentingan negara lebih tinggi daripada kepentingan peribadi mahupun kaum masing-masing.

Lantaran itu, sebagai usaha mengembalikan semangat patriotisme, kesedaran tentang sejarah dan sivik mesti diutamakan kerana melaluinya manusia semasa dapat mempelajari liku-liku yang terpaksa ditempuhi oleh generasi sebelumnya untuk mewariskan sebuah kehidupan bagi generasi berikutnya. Segala kesusahan yang ditempuhi oleh generasi terdahulu perlu dijadikan sebagai iktibar untuk merangka tamadun yang lebih tinggi untuk generasi yang kemudiannya pula. Pengorbanan tokoh-tokoh zaman silam mestilah dikenang dengan sebaik-baiknya kerana mereka merupakan sejarah perjuangan gemilang untuk memartabatkan patriotisme negara.

Dipetik dan diubah suai daripada

“Patriotisme Bukan Sekadar Semangat” oleh Ku Hasnan Ku Halim,

Sinar Harian, 31 Ogos 2020.

Bahan 2 - Grafik

Berita Kedah • Rabu, 20/09/2019

Sernai semangat patriotisme warga kerja

MPJ lancar Kempen Kibar Jalur Gemilang

MPJ telah melancarkan kempen 'Kibar Jalur Gemilang' untuk membangkitkan semangat patriotisme dan kesetiaan kepada negara di kalangan kakitangan awam. Kempen ini akan dijalankan secara berterusan dan melibatkan semua kakitangan MPJ.

MPJ telah melancarkan kempen 'Kibar Jalur Gemilang' untuk membangkitkan semangat patriotisme dan kesetiaan kepada negara di kalangan kakitangan awam. Kempen ini akan dijalankan secara berterusan dan melibatkan semua kakitangan MPJ.

MPJ telah melancarkan kempen 'Kibar Jalur Gemilang' untuk membangkitkan semangat patriotisme dan kesetiaan kepada negara di kalangan kakitangan awam. Kempen ini akan dijalankan secara berterusan dan melibatkan semua kakitangan MPJ.

MPJ telah melancarkan kempen 'Kibar Jalur Gemilang' untuk membangkitkan semangat patriotisme dan kesetiaan kepada negara di kalangan kakitangan awam. Kempen ini akan dijalankan secara berterusan dan melibatkan semua kakitangan MPJ.

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Bahan 1 – Petikan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bangsa yang berjaya ialah bangsa yang membaca kerana dengan membaca mereka komited untuk belajar. Apabila seseorang mula membaca, sebenarnya mereka bukan sekadar membaca malah sedang memimpin. Sebenarnya, budaya membaca perlu dipupuk dari peringkat prasekolah dengan memperkenalkan pembacaan awal supaya tabiat ini dapat berterusan hingga dewasa. Murid perlu diberikan banyak peluang untuk menyertai aktiviti galakan membaca bagi meningkatkan minat membaca untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran daripada aktiviti pembacaan di sekolah. Aktiviti membaca juga dapat menjadikan murid lebih kreatif dan kritis serta lebih terbuka untuk memberikan pandangan kepada orang lain.

Percambahan idea baharu dalam bentuk yang lebih tersusun dan jelas diperoleh melalui amalan membaca. Pembaca yang berkualiti mempunyai kemahiran memimpin, kemahiran berkomunikasi dan juga kemahiran personaliti. Kepimpinan dalam bacaan membolehkan mereka berkongsi maklumat dan pengetahuan agar dapat digunakan dalam situasi baharu. Menurut Zamri Mat Isa, Universiti Malaya (2008), cara untuk memastikan ilmu pengetahuan sentiasa berkembang dengan berkongsi atau menyampaikan ilmu kepada orang lain. Pembaca yang membaca dan berkongsi apa-apa yang dibaca dapat membantu mereka mengukuhkan ingatan serta mengurangkan risiko penyakit Alzheimer. Sehubungan dengan itu, individu yang kurang membaca akan ketinggalan dalam segala bidang.



Tidak dapat dinafikan, budaya membaca dalam kalangan masyarakat masih berada ditakuk lama kerana terpengaruh dengan hiburan semata-mata yang secara tidak sedar menghakis amalan ini. Pelbagai langkah yang dilakukan untuk memupuk amalan membaca antaranya ibu bapa yang prihatin boleh mewujudkan perpustakaan mini yang menarik di rumah untuk menggalakkan anak-anak membaca di samping meluangkan masa bersama-sama mereka. Pihak Perpustakaan Negara juga melalui Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri perlu menyebarkan maklumat tentang kepentingan membaca kepada orang ramai dalam usaha memperkasa amalan membaca. Sekiranya kita tidak mampu memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat, generasi yang dididik hari ini tidak akan menghayati budaya membaca dan ketandusan ilmu pengetahuan.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Jadilah Pembaca Berkesan'
Majalah Pendidik, Mei 2017

Bahan 2 : Grafik



Pelaksanaan



BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Bahan 1 – Petikan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.


Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ialah tunjang ekonomi Malaysia yang menyumbang lebih dua pertiga daripada jumlah pekerjaan di negara ini, di samping hampir 40 peratus kepada ekonomi. Oleh sebab itu, sektor PKS perlu terus cekal dan mampan dalam menghadapi tekanan dan cabaran ekonomi yang melanda negara ketika ini, terutama masalah aliran tunai. Sehubungan dengan itu, Kempen Beli Barangan Malaysia yang dijenamakan semula oleh kerajaan memberikan sedikit nafas baharu kepada industri ini. Dalam masa yang sama, beberapa penambahbaikan perlu dilakukan oleh usahawan PKS termasuk cara memasarkan sesuatu produk supaya perniagaan mereka dikenali di seluruh negara.

Peniaga PKS juga perlu mencari dan mengamalkan teknik yang betul untuk berniaga sama ada menjalankan perniagaan secara fizikal atau dalam talian. Bagi merencanakan semula industri ini, agensi-agensi kerajaan yang terbabit tidak harus lepas tangan. Agensi-agensi ini perlu memperkasakan kursus khas tentang keusahawanan era baharu kepada pengusaha, terutamanya yang berada di luar bandar lantaran kurangnya pendedahan kepada strategi baharu dalam memasarkan produk mereka. Tidak dinafikan bahawa masih ramai usahawan menghadapi beberapa cabaran besar seperti kekangan pengaplikasian teknologi dan mendapat akses kepada pembiayaan yang menghalang pertumbuhan dan menghalang mereka daripada bersaing dengan syarikat-syarikat berskala besar. Usaha kerajaan dalam membantu usahawan pascapandemik seperti yang diperkenalkan dalam pelan PENJANA sedikit sebanyak membantu mereka daripada terus terbeban dengan masalah aliran tunai.

Pujian juga perlu diberi kepada Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) yang telah memberikan kesedaran kepada usahawan PKS mengenai kepentingan mempunyai sijil antarabangsa seperti Sijil Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) dan ISO 22000 untuk memastikan mereka boleh bekerjasama dengan syarikat-syarikat mancanegara (MNC) dalam memasarkan produk mereka ke peringkat antarabangsa. Umum mengetahui bahawa PKS dan PKS mikro ialah tunjang kepada ekonomi negara. Oleh itu, usaha yang bersepadu daripada semua pihak berkaitan amat perlu bagi memastikan industri ini terus subur.

*Dipetik dan diubah suai daripada ‘Tukar Bungkusan Produk PKS’
oleh Robiah Alias, Utusan Malaysia Digital, 24 Disember 2020*

Bahan 2 – Grafik



Dipetik daripada Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan Lima, muka surat 195

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Bahan 1 – Petikan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Isu rasuah sentiasa menjadi polemik yang datang dan pergi dalam masyarakat. Hal ini bermakna ketika tidak dibangkitkan tidak bermakna masyarakat sudah aman daripada cengkaman rasuah. Rasuah masih berlaku secara senyap ibarat api dalam sekam yang sebenarnya membarah dan merosakkan peradaban. Tamadun bangsa hanya boleh dibina apabila sesebuah bangsa benar-benar merdeka.

Berdasarkan beberapa forum berkaitan isu rasuah di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), beberapa dapatan yang diperolehi lebih sedekad lalu, masih relevan dengan suasana semasa. Tinjauan terhadap rasuah atau suapan mendapati, seseorang mudah terjebak dengan salah laku itu apabila terperangkap dengan desakan hidup, boros, gemar kemewahan dan menunjuk-nunjuk dan terjebak dengan beban hutang bukan keperluan. Selain itu, terdapat keperluan ahli keluarga memerlukan rawatan bagi penyakit kritikal, membayar kos pengajian anak dan terikut-ikut gaya hidup orang lain. Malah, tidak mustahil ada yang terpaksa menerima rasuah kerana ugutan pelanggan berpengaruh yang boleh memberikan kesan terhadap kerjaya dan kedudukan mereka.

Dari sudut kerohanian, secara umum individu terbabit dengan perilaku tidak bermoral seperti rasuah disebabkan tiada penghayatan agama mendalam. Penghayatan sebenar akan mendorong manusia menginsafi kewujudan dan kekuasaan Tuhan yang sentiasa memerhatikan setiap tindak-tanduk serta perbuatan.

Manusia yang tidak memiliki penghayatan agama tidak mempunyai perasaan bersalah jika melakukan rasuah. Malah, ada yang menggadai agama, maruah dan organisasi sehingga sanggup menjadi orang suruhan kepada pemberi rasuah secara berterusan. Selain itu, punca pemakanan akan membentuk keperibadian seseorang. Hasil usaha baik dan halal bakal membentuk keperibadian soleh.

Peradaban bangsa sebenarnya hanya dapat dibina bangsa merdeka. Hal ini bukan sekadar merujuk pembangunan atau kemajuan secara fizikal, sebaliknya dibina dan dipertahankan dengan nilai baik seperti adil, benar, bijaksana, berilmu, bertakwa dan berintegriti. Kemajuan bangsa akan menjadi rapuh jika dalam jiwa anak bangsa sudah tidak mementingkan nilai berkenaan apatah lagi terjajah oleh perilaku buruk. Dalam hal ini, rasuah ialah cerminan akhlak amat buruk.

Modul Rumusan Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 5: JPN KEDAH

Akhlag dan perilaku buruk ini yang membunuh sifat patriotik dalam diri individu akan memamah peradaban yang dibina. Jika perkara ini tidak dibendung dan menjadi semakin berleluasa, ia dimamah jiwanya dari semasa ke semasa. Bayangkan jika ia merebak dalam masyarakat. Sudah pasti kemerdekaan yang kita capai semakin hilang ertinya, semakin mati jiwanya. Akhirnya kita menjadi bangsa 'merdeka' tetapi tanpa jiwa.

Dipetik dan diubah suai daripada “Rasuah perosak bangsa merdeka”
oleh Siti Shamsiah Md Sufi,
Berita Harian “Online”, 25 Ogos 2020.

Bahan 2 – Grafik





CADANGAN JAWAPAN RUMUSAN KSSM

CADANGAN JAWAPAN

TEMA 1 : ANDA BERSIH, ANDA SIHAT

Pendahuluan

Rumusan membincangkan simptom-simptom dan langkah-langkah menghadapi wabak COVID-19.

Bahan 1- Petikan

Fokus 1 (Simptom-simptom)

1. Kelesuan dan hilang deria bau serta rasa adalah antara simptom terkini jangkitan COVID-19 yang dikesan dalam kalangan pesakit
2. Demam, batuk dan selesema sering menyerang golongan individu dan kanak-kanak yang mempunyai imunisasi badan yang rendah.
3. Masalah pencernaan terutamanya cirit birit menjadi petunjuk pertama seseorang diserang wabak Covid -19
4. Simptom sesak nafas adalah hasil jangkitan saluran pernafasan yang rendah atau radang paru-paru.

Fokus 2 (langkah-langkah)

1. Memakai pelitup separuh muka
2. Tidak hadir ke pejabat sekiranya bergejala
3. Menjaga jarak satu meter sekiranya berada di tempat awam
4. Menjaga kesihatan dengan baik

Bahan 2 -Grafik

Fokus 1 (Simptom-simptom)

1. Demam yang berpanjangan
2. Kelesuan bertambah teruk
3. Kesukaran bernafas
4. Sakit dada
5. Bibir atau jari kebiru-biruan
6. Tidak boleh mengambil makanan atau minuman melalui mulut
7. Batuk, muntah atau cirit-birit yang semakin teruk serta kencing kurang.

Penutup

Kesimpulannya, semua pihak perlu peka dan cakna dengan simptom jangkitan penyakit berjangkit agar kehidupan dan kesihatan yang berkualiti dapat dimiliki oleh semua anggota masyarakat.

Catatan: Terima 8 isi daripada gabungan Fokus 1 dan Fokus 2

TEMA 2 : SUKAN DAN REKREASI

Pendahuluan

Rumusan membincangkan usaha-usaha menggalakkan penglibatan wanita dalam bidang sukan dan kebaikan wanita melibatkan diri dalam bidang tersebut

Bahan 1-Petikan

Fokus 1(Usaha-usaha menggalakkan penglibatan wanita dalam bidang sukan)

1. Wanita patut diberi peluang sama rata.
2. Wanita perlu mempunyai bakat, minat dan kebolehan untuk bersukan.
3. Sokongan daripada pelbagai pihak penting agar wanita lebih kompetitif untuk berjuang di peringkat antarabangsa.
4. Golongan wanita perlu sentiasa positif dan yakin akan kemampuan diri sendiri.

Fokus 2 (Punca-punca kekurangan / kekangan-kekangan pelibatan wanita dalam sukan)

1. Tuduhan atlet wanita berhadapan diskriminasi pelbagai pihak
2. Kekurangan jurulatih wanita

Bahan 2

Fokus 1 (Usaha-usaha menggalakkan penglibatan wanita dalam bidang sukan)

1. Pihak MSN berpegang pada Dasar Wanita Kebangsaan yang menjamin melindungi wanita dalam bidang yang diceburi mereka

Fokus 2 (Punca-punca kekurangan / kekangan-kekangan pelibatan wanita dalam sukan)

1. Golongan wanita perlu berusaha dua kali ganda untuk berjaya dalam bidang sukan.
2. Persepsi bahawa sukan akan menyebabkan wanita kelihatan kurang feminin.
3. Atlet wanita yang mengandung / melahirkan anak akan menyukarkan mereka aktif dalam sukan.
4. Pakaian atlet wanita yang tidak sesuai dengan amalan agama / budaya

Penutup

Kesimpulannya, Golongan wanita perlu melibatkan diri dalam bidang sukan **supaya** bilangan atlet wanita negara akan bertambah pada masa depan.

Catatan: Terima 8 isi daripada gabungan Fokus 1 dan Fokus 2

TEMA 3 : KERJAYA MENITI JAYA

Pendahuluan

Rumusan membincangkan persediaan remaja dalam pemilihan kerjaya dan peranan pihak sekolah membantu remaja memilih kerjaya.

Bahan 1 – Petikan

Fokus 1 (Persediaan remaja memilih kerjaya)

1. Remaja harus mendidik diri agar dapat bekerja dalam pasukan dan mengikut masa yang ditetapkan.
2. Remaja harus membiasakan diri untuk bersifat berani menghadapi risiko dan berdaya saing.
3. Remaja juga perlu meluangkan masa dengan menghadiri pameran kerjaya.
4. Remaja perlu mengambil peluang menyertai program mentor kerjaya.

Fokus 2 (Peranan pihak sekolah membantu remaja memilih kerjaya)

1. Pihak sekolah menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kerjaya yang dikendalikan oleh guru kaunseling
2. Pihak sekolah berperanan menerangkan kecenderungan pelajar dalam kerjaya.
3. Pihak sekolah haruslah mengatur program mentor kerjaya.
4. Pihak sekolah dapat memberi ruang dan peluang kepada remaja untuk membuat perancangan kerjaya berdasarkan kecenderungan mereka.

Bahan 2: Grafik

Fokus 1 (Persediaan remaja memilih kerjaya)

1. Menenal pasti minat dan potensi diri.
2. Menyenaraikan beberapa kerjaya yang dominan dengan minat dan personaliti diri.
3. Menjawab soal selidik minat kerjaya.
4. Mengenal tokoh dan idola dalam bidang kerjaya yang diminati.
5. Membuat kajian dan analisis keperluan kerjaya dalam dan luar negara.
6. Memastikan kelayakan akademik seiring dengan keperluan kerjaya.

Penutup

Kesimpulannya, remaja perlu peka dalam memilih kerjaya agar dapat menikmati kehidupan yang lebih berkualiti pada masa hadapan.

Catatan: Terima 8 isi daripada gabungan Fokus 1 dan Fokus 2

TEMA 4 : BERSATU KITA TEGUH

Pendahuluan

Rumusan membincangkan kepentingan/manfaat/faedah/kebaikan perpaduan dan usaha-usaha untuk memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Bahan 1-Petikan

Fokus 1 (Kepentingan perpaduan)

1. Perpaduan melahirkan masyarakat yang bersatu padu
2. Perpaduan melahirkan masyarakat yang menitikberatkan integrasi dalam kalangan rakyat pelbagai kaum dan etnik
3. Dasar Perpaduan Negara dapat menjadi asas untuk membentuk identiti nasional.
4. Perpaduan ialah tunjang kemakmuran dan kestabilan negara.
5. Perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia sangat penting untuk keutuhan sesebuah negara.

Fokus 2 (Usaha-usaha untuk memupuk perpaduan)

1. Kementerian Perpaduan Negara berjaya menggubal Dasar Perpaduan Negara.
2. Rakyat Malaysia sejak sekian lama sentiasa berpegang kepada Rukun Negara

Bahan 2-Grafik

Fokus 2 (Usaha-usaha untuk memupuk perpaduan)

1. Ibu bapa menjadi suri teladan.
2. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional melaksanakan pelbagai agenda ke arah memupuk perpaduan.
3. Media massa menguar-uarkan kepentingan perpaduan kepada masyarakat.
4. Pihak sekolah mengadakan pelbagai aktiviti sukan, persatuan dan kelab yang melibatkan murid daripada pelbagai kaum.
5. Setiap individu perlu taat kepada raja dan negara.
6. Masyarakat mematuhi peraturan dan undang-undang negara.

Penutup

Kesimpulannya, semua pihak terutamanya rakyat perlu berusaha untuk mewujudkan perpaduan supaya dapat melahirkan kehidupan yang aman dan harmoni.

Catatan: Terima 8 isi daripada gabungan Fokus 1 dan Fokus 2

TEMA 5: PENDIDIKAN UNTUK SEMUA

Pendahuluan

Rumusan membincangkan **ciri-ciri** autisme dan **langkah-langkah** membantu anak-anak autisme di negara kita.

Bahan 1- Petikan

Fokus 1 (Ciri-ciri)

1. Berasa tidak selesa dengan beberapa nada tinggi rendah bunyi dan mereka akan bertindak menutup telinga
2. Mengalami masalah lambat bertutur
3. Mempunyai masalah dengan perkataan yang abstrak

Fokus 2 (Langkah-langkah)

1. Masyarakat menyokong ibu bapa yang mempunyai anak autisme
2. Ibu bapa yang mempunyai anak autisme pula perlu peka dan mendapatkan nasihat pakar sebaik sahaja mengesan tindakan luar biasa anak
3. Ibu bapa perlu memantau atau lebih tahu perkembangan anak-anak
4. Ibu bapa perlulah berlapang dada dan mengakui kebenarannya apabila terbukti anak autisme
5. Ibu bapa membawa anak ke klinik kesihatan berhampiran apabila mendapati anak bermasalah
6. Tindakan dan rawatan awal ibu bapa adalah langkah paling tepat

Bahan 2 : Grafik

Fokus 1 (Ciri-ciri)

1. Tiada hubungan mata
2. Tidak main olok-olok
3. Tidak bermain dengan orang lain
4. Suka memutar objek

Penutup

Kesimpulannya, semua pihak perlu memberi perhatian dan kasih sayang yang sewajarnya kepada anak-anak autisme agar mereka tidak terpinggir dalam masyarakat.

Catatan: Terima 8 isi daripada gabungan Fokus 1 dan Fokus 2.

TEMA 6: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Pendahuluan

Rumusan membincangkan **manfaat/faedah/kebaikan/kepentingan** sains, teknologi dan inovasi dan **usaha-usaha** untuk menjayakannya.

Bahan 1 - Petikan

Fokus 1 (Manfaat sains, teknologi dan inovasi)

1. Berupaya memacu pembangunan negara berteraskan teknologi tinggi
2. Negara kita dapat mengurangkan pergantungan kepada teknologi luar.
3. Kecekapan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dapat ditingkatkan melalui penggunaan teknologi berasaskan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0)
4. Membolehkan tadbir urus dapat dikawal selia dengan bersistematik.

Fokus 2 (Usaha menjayakannya)

1. Meningkatkan nilai komersial hasil penyelidikan tempatan dengan penambahan peruntukan geran penyelidikan berbentuk pembangunan eksperimental.
2. Memerlukan kerjasama antara pelbagai kementerian serta kerjasama bersama industri, ahli akademik dan masyarakat.
3. Memerlukan pembudayaan masyarakat yang mampu mengaplikasikan sains dan teknologi dalam kehidupan seharian.

Bahan 2 – Grafik

Fokus 1 (Usaha menjayakannya)

1. Kementerian Pendidikan Malaysia dan MOSTI menganjurkan Karnival Sains dan Teknologi Inovasi Robot di seluruh negara.
2. Pelbagai program menarik seperti pameran robotik, pertandingan kuiz, pertunjukan kereta solar, pertunjukan roket air dan cabutan bertuah (ambil sekurang-kurangnya 3 contoh)

Penutup

Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama memajukan bidang sains, teknologi dan inovasi agar/supaya pembangunan negara terus berkembang.

Catatan: Terima 8 isi daripada gabungan Fokus 1 dan Fokus 2

TEMA 7: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

Pendahuluan

Rumusan membincangkan **kepentingan-kepentingan** memelihara ikan hiasan dan **usaha-usaha** untuk memajukan industri ikan hiasan.

Bahan 1 - Petikan

Fokus 1 (Kepentingan-kepentingan memelihara ikan hiasan)

1. Mendatangkan keuntungan di samping sebagai satu hobi yang menarik.
2. Kaedah penjagaan yang sistematik dan berbeza mengikut jenis ikan akan melahirkan rasa keprihatinan penternak ikan hiasan.
3. Satu hobi yang mampu membina pengetahuan mengenai kepelbagaian ikan hiasan dan juga tabiat hidupnya.
4. Ketekunan dalam memelihara ikan hiasan mampu mewujudkan ketenangan dan kesabaran kepada pemelihara ikan hiasan.
5. Manfaat warna hijau pada akuarium ini sudah dibuktikan oleh para pakar mata, yang berpendapat bahawa memandang akuarium berisi ikan hiasan dan tanaman hijau di dalamnya dapat meningkatkan kesihatan mata seseorang.
6. Memelihara ikan hiasan dalam akuarium di rumah, akan menjadi solusi sempurna bagi menurunkan tahap stres.
7. Menjadikan kondisi tubuh semakin relaks dan sangat berguna untuk menurunkan tahap kerisauan dan mampu membuatkan fikiran lebih tenang.

Fokus 2 (Usaha-usaha memajukan industri ikan hiasan)

1. Memberikan tumpuan kepada penyelidikan dan penggunaan teknologi terkini kepada lebih ramai pengusaha.
2. Masalah halangan sistem untuk mengeksport perlu diatasi pada masa akan datang.
3. Jabatan Perikanan dan Kastam Malaysia perlu memudahkan proses pengeksportan untuk meningkatkan potensi eksport ke luar negara.
4. Penyelidikan, pengembangan teknologi, latihan dan sistem kuarantin juga perlu ditingkatkan.
5. Beberapa insentif kepada pengusaha tumbuhan akuatik akuarium perlu difikirkan kaedahnya.

Bahan 2 - Grafik

Fokus 2 (Usaha-usaha memajukan industri ikan hiasan)

1. Pengusaha ikan hiasan perlu meningkatkan produktiviti bagi memenuhi pasaran tempatan dan antarabangsa.
2. Teknologi dan inovasi penternakan ikan hiasan perlu dimajukan.
3. Penyelidikan dan pembangunan dapat dilakukan oleh semua agensi yang terlibat.
4. Pengeksport ikan hiasan perlu memperoleh pensijilan jaminan kualiti sebelum mengeksport ikan hiasan.

Modul Rumusan Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 5: JPN KEDAH

Penutup:

Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama mengembangkan industri ikan hiasan supaya ekonomi rakyat dapat dijanakan.

Catatan: Terima 8 isi daripada gabungan Fokus 1 dan Fokus 2

TEMA 8: MELANCONG MENCARI MAKNA

Pendahuluan

Rumusan membincangkan **kepentingan/faedah/kebaikan** aktiviti industri pelancongan dan **cabaran/halangan** yang mempengaruhi sektor pelancongan di negara ini.

Bahan 1 - Petikan

Fokus 1 (Kepentingan/Faedah/Kebaikan aktiviti industri pelancongan)

1. Meningkatkan ekonomi negara dari segi pengaliran mata wang asing ke dalam negara.
2. Mewujudkan peluang perniagaan kepada usahawan tempatan.
3. Dapat mengembangkan industri kraf tangan.
4. Mempromosikan budaya budaya masyarakat Malaysia.

Fokus 2 (Cabaran/Halangan)

1. Persaingan dalam sektor pelancongan dengan negara-negara lain.
2. Pencemaran alam sekitar.
3. Ketidakstabilan politik negara.
4. Kejatuhan ringgit negara.

Bahan 2 – Pantun

Fokus 1 - Kepentingan/Faedah/Kebaikan)

1. Meluangkan masa bersama ahli keluarga.
2. Menambahkan rasa syukur kepada Tuhan atas nikmat dan anugerah pelbagai ciptaan.
3. Membeli-belah pelbagai barangan dan cenderahati.

Penutup:

Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama mengembangkan aktiviti industri pelancongan negara supaya Malaysia menjadikan pusat pelancongan yang terkenal di dunia.

Catatan: Terima 8 isi daripada gabungan Fokus 1 dan Fokus 2

TEMA 9 : EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pendahuluan

Rumusan membincangkan kebaikan-kebaikan penggunaan kad kredit dan langkah-langkah mengatasi penyalahgunaan kad kredit

Bahan 1: Petikan

Fokus 1 (Kebaikan-kebaikan penggunaan kad kredit)

1. Tidak perlu membawa wang tunai yang banyak untuk membeli-belah
2. Berasa lebih selamat menggunakan kad kredit berbanding dengan penggunaan wang tunai
3. Tidak perlu menukar mata wang ketika berada di luar negara

Fokus 2 (Langkah-langkah mengatasi penyalahgunaan kad kredit)

1. Kerajaan perlu memandang serius bagi membendung gejala penggunaan kad kredit secara berterusan
2. Kerajaan perlu memandang serius bagi membendung gejala penggunaan kad kredit melebihi pendapatan individu
3. Pengetahuan tentang pengurusan kewangan perlu diterapkan di dalam diri masyarakat
4. Sebelum menerima kad kredit, kita harus betul-betul memahami bagaimana kad plastik 'ajaib' ini berfungsi
5. Tanggungjawab untuk membayar jumlah baki dalam penyata setiap bulan.

Bahan 2: Grafik

Fokus 1 (Kebaikan-kebaikan penggunaan kad kredit)

1. Risiko kehilangan, kecurian dan rompakan.
2. Menjejak perbelanjaan
3. Saat kecemasan tanpa wang tunai
4. Mata ganjaran.
5. Pelan pembayaran ansuran mudah tanpa faedah

Penutup

Kesimpulannya, pengguna perlu bijak menggunakan kad kredit agar mereka tidak terjebak dengan masalah kewangan yang meruncing

Catatan: Terima 8 isi daripada gabungan Fokus 1 dan Fokus 2

TEMA 10 : ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Pendahuluan

Rumusan membincangkan usaha-usaha memelihara alam sekitar dan kesan-kesannya.

Bahan 1 -Petikan

Fokus 1(Usaha-usaha memelihara alam sekitar)

1. Pembangunan berteraskan 'sustainable development' **atau** pembangunan lestari dalam apa jua aspek pembangunan perlu ditegaskan
2. Individu yang terbukti bersalah mencemarkan alam sekitar perlu dikenakan penalti dan tidak boleh diikat jamin.
3. Kerajaan harus serius termasuk dalam soal mendidik masyarakat ke arah menguruskan alam sekitar
4. Kerajaan perlu meningkatkan tahap kesedaran rakyat menjaga alam sekitar
5. undang-undang berkaitan wajar disemak semula selari perubahan masa.
6. Kerajaan seharusnya memperkasakan alam sekitar dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat

Fokus 2 (kesan-kesan memelihara alam sekitar)

1. Menyumbang kepada kesejahteraan hidup masyarakat.
2. meningkatkan kualiti hidup masyarakat

Bahan 2 -Puisi

Fokus 2 (kesan-kesan memelihara alam sekitar)

1. Masyarakat hidup selesa dan tenang (R1 dan R7)
2. Dapat menikmati udara bersih (R2)
3. Melestarikan alam sekitar (R6)
4. Alam sekitar bersih dan ceria (R8)

Penutup

Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama memelihara alam sekitar supaya dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

Catatan: Terima 8 isi daripada gabungan Fokus 1 dan Fokus 2

TEMA 11: DUNIA SELAMAT MILIK KITA

Pendahuluan

Rumusan membincangkan punca, cara mengurangkan dan kepentingan mematuhi peraturan jalan raya.

Bahan 1 – Petikan

Fokus 1 (Punca kemalangan jalan raya)

- 1 kompetensi pemandu kereta mahupun pengendali kenderaan berat
- 2 Kecuaian
- 3 sikap gemar memandu laju
- 4 jumlah peningkatan kenderaan
- 5 kawasan jalan yang beralun dan berlubang
- 6 keadaan brek dan tayar kenderaan
- 7 trend menggunakan telefon bimbit ketika memandu
- 8 kesan mengantuk
- 9 Letih
- 10 Usia

Fokus 2 (Cara menangani kemalangan jalan raya)

- 1 pelbagai operasi dan kempen keselamatan dilaksanakan oleh pihak berkuasa
- 2 pihak berkuasa meletakkan papan tanda amaran secukupnya
- 3 penggunaan "*transverse bar*" untuk tujuan "*traffic-calming*" atau meredakan kelajuan kenderaan

Bahan 2 – Grafik

Fokus 2 (Cara menangani kemalangan jalan raya)

- 1 Menjalankan kempen kesedaran
- 2 Mengubah sikap pemandu yang kurang berhemah
- 3 Memperkasa penguatkuasaan undang-undang
- 4 Menyelenggara kenderaan mengikut masa yang ditetapkan
- 5 Memastikan jalan raya diselenggara dengan bail dan mempunyai ciri keselamatan terbaik
- 6 Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam

Bahan 3 – Grafik

Fokus 3 (Kepentingan mematuhi peraturan jalan raya)

- 1 Mengurangkan kesesakan jalan raya
- 2 Imej negara meningkat
- 3 Mengurangkan beban kerajaan membaiki kerosakan akibat kemalangan jalan raya
- 4 Menjadikan jalan raya selamat digunakan
- 5 Mengelakkan kehilangan nyawa dan harta benda
- 6 Mengelakkan kemalangan

Penutup

Kesimpulannya, semua pihak perlu serius menangani masalah kemalangan jalan raya agar kehidupan masyarakat lebih sejahtera.

Catatan: Terima 8 isi daripada gabungan Fokus 1, Fokus 2 dan Fokus 3.

TEMA 12 :KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

Pendahuluan

Rumusan membincangkan fungsi warisan seni persembahan dan cara-cara memupuk perasaan cinta akan seni persembahan dalam kalangan masyarakat.

Bahan 1- Petikan

Fokus 1 (Kepentingan / fungsi seni persembahan)

1. Sebagai benteng budaya.
2. Sebagai lambang jati diri etnik dan bangsa
3. Dapat menyemai nilai perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum
4. Sebagai kesinambungan tamadun bangsa

Fokus 2 (Cara memupuk kecintaan warisan seni persembahan)

1. Rakyat mesti didedahkan kepada kekayaan warisan budaya etnik dan negara
2. Latihan kepada generasi muda
3. Menyelitkan budaya tradisional sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah
4. Pihak industri pelancongan wajar menjadikan seni persembahan tradisional sebagai produk pelancongan budaya

Bahan 2

Fokus 2 (Cara memupuk kecintaan warisan seni persembahan)

1. Penggiat seni persembahan perlu memanfaatkan teknologi terkini dalam persembahan mereka
2. Menerapkan kemahiran keusahawanan kepada penggiat seni persembahan.
3. Pendidikan dan latihan seni persembahan perlu dijalankan secara inklusif untuk sesiapa sahaja yang beminat

Penutup

Kesimpulannya, agensi-agensi yang bertanggungjawab perlu proaktif mengembangkan warisan seni persembahan agar seni ini terus kekal dalam masyarakat kita.

Catatan: Terima 8 isi daripada gabungan Fokus 1 dan Fokus 2.

TEMA 13: JATI DIRI, WARGANEGARA PATRIOTIK

Pendahuluan

Rumusan ini membincangkan kepentingan semangat patriotisme dan usaha mengembalikan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia.

Bahan 1 – Petikan

Fokus 1 – Kepentingan semangat patriotisme

1. Semangat patriotisme merupakan nadi kepada kebebasan, kemerdekaan, kestabilan dan kemajuan sesebuah negara.
2. Patriotisme akan melahirkan rakyat yang akan berkhidmat dengan cekap, yakin dan jujur dalam tindakan mereka.
3. Semangat patriotisme seharusnya menjadi pendorong kepada setiap rakyat yang cintakan negaranya untuk bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh bagi membangun dan memajukan negaranya.
4. Tanpanya individu dan masyarakat negara berkenaan akan berpecah-belah kerana masing-masing lebih menumpukan kepada diri atau puak masing-masing dan melupakan tanggungjawab mereka terhadap negara.
5. semangat patriotisme ini akan menghalang rakyat Malaysia daripada bersikap prejudis terhadap mana-mana kaum, agama mahupun ideologi parti yang berbeza dengan mereka.

Fokus 2 – Usaha mengembalikan semangat patriotisme

1. Kesedaran tentang sejarah dan sivik mesti diutamakan.
2. Segala kesusahan yang ditempuhi oleh generasi terdahulu perlu dijadikan sebagai iktibar.
3. Pengorbanan tokoh-tokoh zaman silam mestilah dikenang dengan sebaik-baiknya

Bahan 2 – Grafik

Fokus 2 – Usaha mengembalikan semangat patriotisme

1. Rakyat mengibarkan Jalur Gemilang semasa bulan kemerdekaan
2. Kerajaan melancarkan kempen Kibar Jalur Gemilang

Penutup

Kesimpulannya, semangat patriotisme mestilah dihayati oleh rakyat Malaysia supaya keharmonian negara terpelihara.

Catatan: Terima 8 isi daripada gabungan Fokus 1 dan Fokus 2.

TEMA 14 : CITRA BAHASA DAN SASTERA KITA

Pendahuluan

Rumusan membincangkan langkah-langkah dan faedah memupuk amalan membaca.

Bahan 1-Petikan

Fokus 1 (Langkah-langkah/Usaha-usaha memupuk amalan membaca)

1. budaya membaca perlu dipupuk dari peringkat prasekolah dengan memperkenalkan pembacaan awal
2. ibu bapa yang prihatin boleh mewujudkan perpustakaan mini yang menarik di rumah
3. Pihak Perpustakaan Negara juga melalui Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri perlu menyebarkan maklumat tentang kepentingan membaca kepada orang ramai.

Fokus 2 (Faedah/Kebaikan/Kelebihan memupuk amalan membaca)

1. meningkatkan minat membaca untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran
2. dapat menjadikan murid lebih kreatif dan kritis serta lebih terbuka untuk memberikan pandangan kepada orang lain
3. Percambahan idea baharu dalam bentuk yang lebih tersusun dan jelas
4. membolehkan mereka berkongsi maklumat dan pengetahuan agar dapat digunakan dalam situasi baharu
5. membantu mereka mengukuhkan ingatan
6. mengurangkan risiko penyakit alzheimer

Bahan 2-Grafik

Fokus 1 (Langkah-langkah/Usaha-usaha memupuk amalan membaca)

1. Kepelbagaian program membaca
2. Pembangunan prasarana dan aktiviti membaca
3. Pesta buku sebagai destinasi pembukuan masyarakat
4. Pembangunan pembacaan dalam kalangan remaja dan kanak-kanak
5. Capaian digital atau e-buku
6. Pendidikan sepanjang hayat

Penutup

Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama untuk memupuk amalan membaca supaya melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang.

Catatan: Terima 8 isi daripada gabungan Fokus 1 dan Fokus 2.

TEMA 15 : INDUSTRI CEMERLANG, NEGARA GEMILANG

Pendahuluan

Rumusan membincangkan cara-cara memajukan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan faktor-faktor industri ini tidak berkembang.

Bahan 1-Petikan

Fokus 1 (Cara-cara Memajukan Industri PKS)

1. Kerajaan mengadakan Kempen Beli Barangan Malaysia.
2. Usahawan perlu menambah baik cara pemasaran produk
3. Peniaga PKS perlu mencari dan mengamalkan teknik yang betul untuk berniaga
4. Agensi-agensi kerajaan perlu memperkasakan kursus khas tentang keusahawanan era baharu kepada pengusaha PKS
5. Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) yang telah memberikan kesedaran kepada usahawan PKS mengenai kepentingan mempunyai sijil antarabangsa

Fokus 2 (Faktor-faktor industri PKS tidak dapat berkembang)

1. Kekangan pengaplikasian teknologi dalam kalangan usahawan PKS
2. Kekangan dalam mendapat akses kepada pembiayaan kewangan

Bahan 2-Grafik

Fokus 2 (Faktor-faktor industri PKS tidak dapat berkembang)

1. Ruang atau skop pasaran yang terhad
2. Kualiti barangan yang rendah
3. Lokasi perusahaan yang tidak strategik
4. Persaingan sengit sesama pengusaha produk yang sama
5. Sukar menembusi pasaran global kerana promosi peniagaan yang lemah
6. Persaingan dengan industri yang lebih besar

Penutup

Kesimpulannya, semua pihak perlu menyokong produk PKS agar dapat membantu perkembangan ekonomi negara.

Catatan: Terima 8 isi daripada gabungan Fokus 1 dan Fokus 2.

TEMA 16 : INTEGRITI

Pendahuluan

Rumusan membincangkan faktor dan kesan rasuah terhadap individu dan negara.

Bahan 1- Petikan

Fokus 1 (Faktor rasuah)

1. Terperangkap dengan desakan hidup, boros, gemar kemewahan dan menunjuk-nunjuk dan terjebak dengan beban hutang bukan keperluan.
2. Keperluan ahli keluarga memerlukan rawatan bagi penyakit kritikal, membayar kos pengajian anak dan terikut-ikut gaya hidup orang lain.
3. Ada yang terpaksa menerima rasuah kerana ugutan pelanggan berpengaruh.
4. Tiada penghayatan agama mendalam.

Fokus 2 (Kesan rasuah)

1. Manusia yang tidak memiliki penghayatan agama tidak mempunyai perasaan bersalah jika melakukan rasuah.
2. Punca pemakanan akan membentuk keperibadian seseorang.
3. Kemajuan bangsa akan menjadi rapuh.
4. Membunuh sifat patriotik dalam diri individu.

Bahan 2: Grafik

Fokus 2 (Kesan rasuah)

1. Melumpuhkan fungsi perjalanan sesuatu organisasi
2. Menyebabkan pentadbiran negara menjadi lemah dan huru-hara
3. Menjejaskan imej dan kredibiliti negara
4. Menjejaskan kualiti infrastruktur atau program
5. Pembangunan tidak seimbang dan saksama
6. Melahirkan pegawai yang tidak amanah dan gagal dalam pelaksanaan

Penutup

Kesimpulannya, semua pihak perlu membanteras gejala rasuah supaya budaya kerja berintegriti dapat dilestarikan dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Catatan: Terima 8 isi daripada gabungan Fokus 1 dan Fokus 2.